



SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT LAKSANA PROGRAM JANGKAUAN KOMUNITI DI AIR KUNING, PERAK

KAMPAR, SABTU, 19 OGOS 2023 – Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami memuji inisiatif Bank Rakyat dalam melaksanakan Program Jangkauan Komuniti di Air Kuning sebagai salah satu usaha Bank berkenaan dalam menyantuni masyarakat di luar bandar.

“Usaha ini bukanlah sesuatu yang asing dengan Bank Rakyat sebagai institusi kewangan dan agensi di bawah KUSKOP yang sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan, kemakmuran serta kelestarian ekonomi masyarakat yang memerlukan sejajar dengan nilai yang ditekankan dalam Malaysia Madani.”

Program ini merangkumi program perasmian Kebun Nuri Nutrisi di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Kuning yang menguruskan tanaman sayuran sawi putih (pak choy) sebanyak 480 pot dan dianggarkan akan memanfaatkan 180 pelajar B40 di sekolah berkenaan.

“Inisiatif ini juga dilihat amat bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk menoktahkan isu kemiskinan tegar dengan menambah baik tahap sara diri masyarakat, di samping meningkatkan keterjaminan makanan,” kata YB Senator Puan Saraswathy ketika berucap merasmikan program jangkauan komuniti ini.

Di samping itu, beliau berkata program pada hari ini turut merangkumi program penempatan mesin juruwang automatik atau ATM Bank Rakyat di Stesen Minyak BHPetrol Air Kuning yang mana merupakan salah satu usaha Bank Rakyat dalam meluaskan akses dan saluran perkhidmatan perbankannya kepada masyarakat di kawasan ini.



“Saya amat berharap agar penempatan ATM Bank Rakyat di Stesen Minyak BHPetrol ini mampu memberikan mutu pengalaman dan perkhidmatan perbankan yang lebih baik kepada penduduk setempat untuk menjalankan urusan perbankan harian dengan mudah, selamat dan pantas,” kata beliau.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Operasi Bank Rakyat, Encik Nor Haimee Zakaria berkata, Bank Rakyat sentiasa cakna terhadap kesejahteraan dan kebajikan masyarakat selaras dengan objektif Malaysia Madani dalam mewujudkan masyarakat Madani yang membolehkan setiap rakyat Malaysia berada di pelusuk mana sekali pun dapat mengecapi nikmat kesejahteraan.

“Antara objektif utama program Kebun Nuri Nutrisi ini dilaksanakan adalah bagi membantu memakmurkan pelajar B40 dalam memperoleh bantuan dana secara berterusan menerusi pengurusan tanaman kebun sayuran yang mana hasilnya boleh dituai dan dijual.”

“Inisiatif ini juga seiring dengan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang mencipta nilai untuk pemegang kepentingan Bank,” tambah beliau.

Di samping itu, beliau turut berkata usaha penempatan ATM di Stesen Minyak BHPetrol Air Kuning ini membuktikan komitmen Bank Rakyat dalam menyediakan perkhidmatan perbankan asas untuk komuniti luar bandar terutama kepada masyarakat yang masih tiada dan kurang keperluan asas perbankan (*unserved* dan *underserved*) khususnya di kawasan luar bandar.

“ATM ini merupakan satu-satunya ATM yang terdapat di Air Kuning dan ATM yang terdekat terletak di Kampar dan Tapah. Bank Rakyat berharap dengan kemudahan yang disediakan ini dapat memudahkan urusan seharian penduduk di daerah ini dan tidak lagi perlu ke bandar untuk membuat transaksi pengeluaran wang.”

-TAMAT-